

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

SOALAN :

YB. Tuan Wong Sze Phin @ Jimmy [Kota Kinabalu] minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan kesan kes kemalangan MH17 dan penculikan yang berlaku di pantai timur Sabah kepada sektor pelancongan. Berikan statistik secara terperinci dari segi bilangan pelancong, pendapatan, dan daerah-daerah di Sabah.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan maklumat yang dibekalkan oleh Kementerian Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar Negeri Sabah, kes penculikan yang berlaku di pantai timur Sabah telah mengakibatkan pembatalan tiket penerbangan yang melibatkan **31,599 orang** pelancong bagi tempoh April 2014 sehingga hujung tahun 2014.

Berdasarkan data yang dibekalkan oleh Jabatan Imigresen Negeri Sabah bagi tempoh Januari hingga Julai 2014, jumlah ketibaan pelancong yang telah melawat negeri Sabah mencatatkan seramai **1.9 juta orang** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2013 iaitu seramai **1.8 juta orang** dengan peningkatan sebanyak **2.8 peratus**. Antara daerah yang popular sering dikunjungi oleh pelancong asing adalah Kota Kinabalu, Sandakan, Semporna dan Tawau. Ini menunjukkan bahawa kes penculikan yang berlaku di pantai timur Sabah tidak memberi kesan yang ketara kepada prestasi ketibaan pelancong pada keseluruhannya. Berhubung dengan tragedi MH17, Kementerian sedang memantau kesannya memandangkan kejadian ini berlaku pada Julai, 2014.

Ketibaan pelancong bagi tempoh ini turut menjana pendapatan pelancongan sebanyak **RM 3.7 billion** melalui perbelanjaan untuk penginapan, makanan, pengangkutan, hiburan, membeli belah dan lain-lain perkhidmatan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY
[KOTA KINABALU]**

SOALAN :-

Y.B. TUAN WONG SZE PHIN @ JIMMY [KOTA KINABALU] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN** menyatakan rancangan membina rumah mampu milik yang telah siap bina di Sabah (yang telah siap dan dalam perancangan) dari tahun 2010-2020 mengikut bilangan, daerah atau kawasan, kos pembinaan, harga penjualan serta syarikat yang memperoleh tawaran kontrak pembinaan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah dan sedang melaksanakan sebanyak 36 projek (24, 491 unit) di negeri Sabah. Daripada jumlah tersebut, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) (2011 – 2015) adalah Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dimulakan pembinaan sebanyak 13 projek (6,876 unit) yang meliputi sebanyak 4 projek (1,876 unit) dalam pembinaan dan 9 projek (5,000 unit) dalam pelbagai peringkat perolehan.

Kos pembinaan adalah antara RM 150,000 sehingga 160,000 seunit dan seunit rumah ini akan dijual dengan harga RM 42,000 per unit.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

November 2014